

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18

Harga sayur dijangka turun 40 peratus

Harga sayur dijangka turun 40 peratus

Cuaca baik jadi faktor pengeluaran kembali meningkat

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Harga sayur-sayuran yang sebelum ini melonjak naik susulan musim hujan dan banjir yang melanda negara, dijangka turun sehingga 40 peratus, mulai minggu ini.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata ia susulan cuaca yang kembali baik sejak minggu lalu.

Katanya, cuaca baik menyebabkan pengeluaran hasil sayuran kembali meningkat dengan jangkakan bekalan sayuran kembali stabil mulai minggu depan.

"Cuaca baik sejak minggu lalu menyebabkan pengeluaran sayur-sayuran negara terutama di Johor, Pahang dan Perak kembali meningkat.

"Harga timun yang sebelum ini melonjak sehingga RM7 sekilogram (kg) berikutan hasil yang sangat kurang kini turun kepada RM2.50 setiap kg selepas pengeluaran meningkat.

"Begitu juga harga kacang pan-



Bekalan sayur-sayuran dijangka kembali stabil mulai minggu depan. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

jang yang sebelum ini naik mendadak kepada RM9 kg kini kembali ke harga asal iaitu RM3.50 hingga RM4 setiap kg.

"Kita menjangkakan bekalan sayuran akan kembali stabil menjelang minggu depan dengan harga sayur kembali murah seperti sebelum musim hujan dan banjir," katanya ketika dihubungi, semalam.

Hujan lebat jejas ladang

Sejak bulan lalu, harga sayuran dilaporkan melonjak melebihi 100 peratus, susulan hujan lebat berterusan dan banjir melanda beberapa negeri sejak Disember lalu.

Ser Kwee dilaporkan berkata hujan lebat berterusan menjejaskan ladang sayuran di Johor, Pahang dan Perak, sekali gus me-

nyebabkan harga bahan mentah itu melonjak naik di kawasan terjejas berikutan bekalan terjejas dan dijangka hanya akan pulih secara berperingkat hujung bulan ini.

Antara sayuran yang mencatatkan kenaikan harga lebih 100 peratus termasuklah tomato, timun, kacang panjang dan bendi.

Sementara itu, peniaga sayuran pasar basah Tampoi, Wan Baharuddin Ahmad, berkata bekalan sayuran yang diterima daripada pembekal juga kembali meningkat berbanding dua bulan lalu.

"Alhamdulillah, bekalan sayur berdaun yang paling terjejas termasuk bayam, sawi dan kangkung, selain tomato, bendi dan kacang panjang, kini semakin pulih," katanya.

HARGA SAYUR	
SARAWAK	
Cili merah	RM18.90 - RM32.95/kg
Cili padi	RM40/kg
Bawang merah	RM17 - RM26/kg
Bawang putih	RM5.30 - RM10/kg
Sawi	RM10.99 - RM12.99/kg
Timun	RM1.99 - RM5/kg
KELANTAN	
Cili gred A	RM18 - RM20/kg
Timun	RM4 - RM8/kg
Terung	RM10 - RM12/kg
Sawi	RM6 - RM7/kg
Bendi	RM12 - RM13/kg
Lada besar	RM16/kg
Kubis	RM3/kg
JOHOR	
Bawang merah	RM3.90 - RM4.50/kg
Bawang putih	RM5.90 - RM6.50/kg
Cili merah	RM14 - RM15/kg
Cili padi	RM12 - RM14/kg
Sawi	RM7 - RM7.50/kg
Timun	RM4 - RM4.50/kg
KUALA LUMPUR	
Cili merah	RM15.90/kg
Cili padi	RM13.90/kg
Bawang merah	RM2.40/kg